

## BAB III

### PANDANGAN SARJANA ISLAM TENTANG DISKRIMINASI HARGA

#### 3.1. Penetapan Harga dalam Islam

Islam adalah agama yang menyeluruh (*shumūl*) memberikan asas yang kukuh dalam menetapkan seluruh kehidupan manusia (*way of life*) termasuk dalam bidang ekonomi.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا  
خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٠٨﴾

*”Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata”.*

Sūrah Al-Baqarah (2) : 208

Pemikiran tentang ilmu ekonomi seperti dalam penetapan harga dan sebagainya telah ada jauh sebelum Adam Smith dan para pemikir barat lainnya<sup>1</sup>. Para sarjana Islam seperti Abū Yūsuf, Al-Ghazāli, Ibn Taymiyyah dan Ibn Khaldūn merupakan para perintis ke arah pembangunan mekanisme pasar jauh sebelum ekonomi konvensional yang diperkenalkan oleh Adam Smith pada abad ke-18<sup>2</sup>. Apabila ditelusuri dari sejarah jauh sebelum Adam Smith lahir, Nabi Muhammad s.a.w. sudah terlebih dahulu menganjurkan kepada umatnya untuk memanfaatkan mekanisme pasar dalam penyelesaian masalah-masalah ekonomi

<sup>1</sup>Delianov (2010), *Perkembangan Pemikiran Ekonomi*, c. 6. Jakarta: Edisi Ketiga, PT Raja Grafindo Persada, h. 43.

<sup>2</sup>Abdus Samad (2002), “Market Analysis from an Islamic Perspective and the Contribution of Muslim Scholars”, *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*. United State: Utah Valley University, h. 67.

dan mengelakkan sistem penetapan harga (*tas'ir*) oleh kerajaan kalau tidak diperlukan<sup>3</sup>. Islam mengajarkan agar kerajaan tidak mencampuri serta memaksa masyarakat untuk menjual barang yang tidak mereka redai. Rasulullah s.a.w. melarang kerajaan menetapkan harga, sesuai dengan sabda Baginda yang diriwayatkan oleh Anas r.a:

عن أَنَسٍ قَالَ: غَلَا السَّعْرُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ سَعِّرْنَا. فَقَالَ: إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمُسَعِّرُ الْقَابِضُ الْبَاسِطُ الرَّزَّاقُ وَإِنِّي لَأَرْجُو أَنْ أَلْقَى رَبِّي وَلَيْسَ أَحَدٌ مِنْكُمْ يَطْلُبُنِي بِمَظْلَمَةٍ فِي دَمٍ وَلَا مَالٍ.

*“Daripada Anas r.a katanya: Harga barangan telah meningkat di zaman Rasulullah s.a.w. Maka orang ramai berkata: Wahai Rasulullah harga barangan mulai meningkat. Justeru tetapkanlah harga barangan untuk kami. Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya Allahlah yang menetapkan harga, yang menyempitkan dan melapangkan rezki, dan saya sungguh berharap untuk bertemu Allah dalam keadaan tidak seorang pun dari kalian yang menuntut kepadaku dengan suatu kezaliman dalam darah mahupun harta”<sup>4</sup>.*

(Riwayat Abu Dawūd)

Hadith di atas dijadikan dalil oleh para ulama tentang larangan kerajaan dalam menentukan harga barang di pasar kerana dianggap sebagai perbuatan zalim atas kebebasan menggunakan harga. Melindungi kepentingan pembeli tidak lebih penting dari melindungi kepentingan penjual. Jika kepentingan kedua-dua pihak sama besarnya, maka wajib membiarkan mereka menyelesaikan permasalahan mereka sendiri (mekanisme pasar)<sup>5</sup>. Imam al-Shawkānī berkata, ”Sesungguhnya manusia mempunyai hak dan wewenang dalam mengurus harta bendanya. Sekatan atau penetapan harga adalah tindakan zalim terhadap manusia.

<sup>3</sup>Delianov (2010), *op.cit*, h. 43.

<sup>4</sup>Al-Hāfīz Abī Dawūd Sulaymān bin al-Ash‘ath al-Sajistānī, (t.t.), *Sunan Abī Dawūd*, Kitab al-Ijārah, Bāb al-Tas‘īr. no. hadith 3475. j. 3. Syria: Dār al-Hadīth, h. 731.

<sup>5</sup>Al-Sayyid Sābiq (1983), *Fiqh al-Sunnah*, j. 3. Beirut: Dār al-fikr li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘, h. 160

Seorang Imam (penguasa) ditugaskan memelihara kepentingan kaum muslimin. Untuk membantu kepentingan penjual, tindakan memberi perhatian pada turunnya harga dengan menaikkan harga bukanlah suatu tindakan yang baik. Jika tindakan tersebut menjadi suatu keperluan, maka penjual dan pembeli harus bersama-sama menitikberatkan kepentingan mereka sebagai pengguna<sup>6</sup>.

Islam menganjurkan agar harga pelbagai macam barang dan perkhidmatan perlu diserahkan kepada mekanisme pasar berasaskan kekuatan permintaan dan penawaran. Dalam ajaran Islam kerajaan tidak dibenarkan memihak kepada pembeli dengan menetapkan harga yang lebih rendah atau berpihak pada penjual dengan menetapkan harga yang lebih tinggi. Hadith di atas menjadi landasan bahawa polisi menetapkan harga tanpa suatu alasan yang jelas dan boleh diterima sesuai prinsip-prinsip keadilan merupakan hal yang haram atau suatu tindakan yang zalim. Dalam setiap polisi yang diambil oleh kerajaan yang perlu diutamakan adalah kesejahteraan yang sebesar-besarnya bagi masyarakat, tidak hanya bagi sebahagian pembeli sahaja atau pun penjual sahaja<sup>7</sup>.

Walaupun Islam telah menganjurkan penggunaan mekanisme pasaran jauh sebelum Adam Smith menulis *The Wealth of Nations* tahun 1776<sup>8</sup>, perlu diketahui bahawa adakalanya kerajaan boleh menggunakan polisi penetapan harga dalam keadaan-keadaan khusus. Ini terutama diperlukan jika polisi itu dipandang lebih *adil*. Menurut Ibn Taymiyyah dalam bukunya *al-hisbah*: “*Tas’īr* ada yang zalim itulah yang diharamkan<sup>9</sup> dan ada pula yang adil, itulah yang dibenarkan<sup>10</sup>”.

---

<sup>6</sup>Al-Sayyid Sābiq (1983), *Ibid.*, h. 160.

<sup>7</sup>Delianov (2010), *op.cit.*, h. 44.

<sup>8</sup>Adam Smith (1776), *The Wealth of Nations, An Inquiry Into the Nature and Causes of the Wealth of Nations*. London: Publisher: W. Strahan and T. Cadell.

<sup>9</sup>Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm bin Taymiyyah, *Al-Hisbah fi al-Islām aw Wajīfatu al-Ḥukūmati al-Islāmiyyati*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 22.

Ketidakadilan boleh terjadi apabila ada praktik monopoli atau ada pihak-pihak tertentu yang mempermainkan harga, atau ada penguasaan dari pengusaha bermodal kuat terhadap yang kecil dan lemah. Apabila pasaran tidak berjalan sempurna (mengalami gangguan) atau dipermainkan oleh pengusaha bermodal besar yang mengutamakan keuntungan semata-mata tanpa mengambil berat terhadap kesejahteraan dan kepentingan orang lain, barulah kerajaan boleh melakukan control dan penetapan harga. Akan tetapi tanpa ada alasan yang jelas, penetapan harga adalah sesuatu yang dilarang oleh syariat Islam. Perlu dijelaskan bahawa ada sebahagian pakar berpendapat penggunaan polisi penetapan harga diperbolehkan untuk barang-barang yang dihasilkan oleh syarikat milik kerajaan seperti minyak, elektrik, telepon, air bersih dan sebagainya<sup>11</sup>.

Oleh kerana itu Rasulullah s.a.w. tidak ingin menetapkan harga kerana tinggi rendahnya harga berada di tangan Allah s.w.t.. Untuk itu, strategi Rasulullah s.a.w. membina banyak pasar di Madinah dengan aturan-aturan yang sama, yakni tidak ada *monopoli* dan tidak cukai. Islam membolehkan pasar bebas untuk semua kerana ini semua adalah sebahagian daripada perdagangan Islam<sup>12</sup>.

---

<sup>10</sup> Ahmad bin ‘Abd al-Ḥalīm bin Taymiyyah, *Ibid.*, h. 22.

<sup>11</sup> Delianov (2010), *op.cit.*, h. 45.

<sup>12</sup> Abdal Qadir As-Sufi (2002), *Sultaniyah*, First edition. Madinah: Madinah Press, h. 95.

### 3.2. Pengertian Monopoli Dalam Islam

Monopoli di dalam terminologi ekonomi Islam dikenal sebagai al-ih̥tikār<sup>13</sup> (*monopolistic rent*) iaitu kemampuan monopoli (*monopoly power*) oleh sebahagian orang untuk mengendalikan harga pasar dan menguasainya sesuai kehendak mereka<sup>14</sup>. Al-ih̥tikār berasal dari kata al-ḥakr, yang berarti mengumpulkan<sup>15</sup>. Secara istilah adalah mengumpulkan/menyembunyikan (menimbun) bahan keperluan masyarakat yang sangat diperlukan dan dikeluarkan kembali ketika harga melambung tinggi<sup>16</sup>. Atau dalam istilah lain iaitu membeli suatu barang lalu menyimpannya agar barang tersebut berkurang di masyarakat dan harganya menjadi mahal<sup>17</sup>, sehingga masyarakat menjadi menderita<sup>18</sup>. Dengan kata lain, ih̥tikār berarti proses memonopoli suatu barangan yang mengakibatkan terjadinya kenaikan harga.

Al-Qur’ān tidak menyebut tentang ih̥tikār. Al-Qur’ān hanya menunjukkan mengenai pengumpulan harta, oleh Allah s.w.t. berfirman:

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ  
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ

<sup>13</sup>Ahmad Warson Munawwir (1997), *Kamus Al-Munawwir Arab-Indonesia Terlengkap*, c. 4. Surabaya: Pustaka Progressif, h. 285.

<sup>14</sup>Arif Hoetoro (2007), *Ibid.*, h.104.

<sup>15</sup>Qahtān ‘Abd al-Raḥmān al-Dūrī (2000), *Al-Ih̥tikār wa Āthāruhu fī al-Fiqhī al-Islāmiyyi*. Baghdad: Dār al-Furqān, h. 15.

<sup>16</sup>*Ibid.*, h. 15.

<sup>17</sup>Sebahagian ulama mengecualikan barang yang dibolehkan untuk ditimbun. Al-Shafi‘i berpendapat bahawa menimbun hanya dilarang atas barangan asas yang merupakan keperluan pokok manusia. Hal senada juga dikemukakan Imam Ahmad. Ada pula yang memperluasnya hingga meliputi penimbunan dalam segala bentuk barang hukumnya adalah haram kerana berpotensi menjadikan harga tidak stabil. Pendapat lain mengatakan, bahawa jika seseorang menimbun hasil pertanian atau barang buatan tangan sendiri hukumnya adalah boleh.

<sup>18</sup>Al-Sayyid Sābiq (1983), *op.cit*, h. 162.

مِنْكُمْ ۚ وَمَا آتَاكُمْ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٥٧﴾

“Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah dan bagi Rasulullah dan bagi kaum kerabat (Rasulullah) dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. kepada kamu maka terimalah serta amalkan dan apa jua yang dilarang kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).

Sūrah Al-Hasyr (59) : 7

﴿٥٨﴾ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لَيَأْكُلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ ۗ وَالَّذِينَ يَكْتُمُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٥٩﴾ يَوْمَ تُحْمَىٰ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَىٰ بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وظُهُورُهُمْ ۗ هَذَا مَا كَنَزْتُمْ لِأَنفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٦٠﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendita-pendita dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (agama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya”.

“(Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka):

*"Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu".*

Sūrah Al-Tawbah (9) : 34-35

Memonopoli barang hukumnya haram dan dilarang oleh syariat Islam, kerana ianya berpunca dari sifat tamak dan akhlak rendah serta merugikan kehidupan awam. Dalam hadith Rasulullah s.aw. banyak sekali menyebutkan larangan memonopoli di antaranya:

من احتكر فهو خاطئ

*"Sesiapa yang menguasai (memonopoli) maka dia adalah orang yang bersalah"<sup>19</sup>.*

(Riwayat Muslim)

الجالب مرزوق والمحتكر ملعون

*"Orang-orang yang mendatangkan barang untuk langsung dijual dengan harga terjangkau) diberi rezeki dan penimbun akan dilaknat"<sup>20</sup>.*

(Riwayat Tirmidhi)

Para ahli fiqh mempunyai pandangan bahawa monopoli barang adalah diharamkan (dilarang) sekiranya memenuhi syarat-syarat tertentu<sup>21</sup>:

1. Barang yang disimpan lebih dari apa yang diperlukan untuk keperluan setahun penuh. Kerana seseorang hanya dibenarkan menyimpan atau

---

<sup>19</sup>Muslim al-Ḥujjāj (1995), *Ṣaḥīḥ Muslim Sharah Imām Muḥyi al-Dīn al-Nawawī*. j. 11, Kitāb al-Masaqqah, bāb Taḥrīm al-Iḥtikār fi al-‘Aqwiyyāt. no. hadith 4098/4099. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, h. 44. Juga disebut di dalam Al-Ḥāfiẓ Abī Dawūd Sulaymān bin al-Ash‘ath al-Sajistānī (t.t.), Sunan *Abī Dawūd*, Kitāb al-Ijārah, bāb al-Nahy’an al-Ḥukrah. no. hadith 3447. j. 3. Shiria: Dār-al-Hadīth, h. 728.

<sup>20</sup>Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Raḥīm al-Mubārīkfūrī Abū al-‘Alā, (t.t.), *Taḥfatu al-Aḥwadhī bi Sharhi Jāmi‘ al-Tirmidhī*, bab mā jāa fi al-iḥtikār. no. hadith 1267. j. 4. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 404.

<sup>21</sup>Al-Sayyid Sābiq (1983), *op.cit*, h. 163

menimbun persediaan nafkah asas untuk diri sendiri dan keluarganya selama satu tahun, sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w..

2. Pemilik tersebut menanti kenaikan harga barang agar pada saat menjualnya ia mendapatkan harga yang lebih tinggi.
3. Penimbunan dilakukan pada saat masyarakat sangat memerlukan barang tersebut seperti makanan, pakaian dan sebagainya. Apabila barang-barang tersebut berada di tangan para pedagang dan tidak diperlukan oleh masyarakat, maka hal itu tidak dianggap sebagai penimbunan barang kerana tidak menimbulkan kesulitan pada masyarakat.

Selain monopoli banyak lagi penyelewengan pasar yang lain, sebagaimana dijelaskan oleh Al-Ghazali dalam bab Munkirāt al-Aswāq<sup>22</sup>, di antaranya adalah:

1. Tidak jujur dalam penetapan keuntungan. Ini dimaksudkan sebagai tindakan berlebihan dalam menetapkan margin keuntungan, menyatakan keuntungan perdagangan yang tidak mencerminkan nilai sebenarnya dan sebagainya.
2. Menutup cacat barang yang diperjualbelikan, termasuk di dalamnya adalah iklan yang tidak sesuai dengan wujud dan kualiti barang sebenar.
3. Kecurangan dalam ukuran dan timbangan.
4. Meninggalkan ijab dan kabul dalam jual beli. Tindakan-tindakan yang termasuk dalam kategori ini adalah menetapkan syarat-syarat yang rosak dalam jual-beli dan perniagaan yang bersifat ribawi.

Dalam ekonomi Islam siapapun boleh berusaha mendapatkan harta<sup>23</sup> tanpa peduli apakah dia satu-satunya penjual (monopoli) atau ada penjual lain, asalkan

---

<sup>22</sup>Al-Imām Abī Ḥāmīdī Muḥammad bin Muḥammad Al-Ghazālī (t.t). *Iḥyā 'Ulūm al-Dīn*, bab Munkirāt al-Aswāq. j. 2. Beirūt: Lubnān, h. 338.



tidak melanggar nilai-nilai Islam. Dalam hal ini, yang dilarang berkaitan dengan monopoli adalah al-Ihtikār, yaitu kegiatan menjual lebih sedikit barang dari yang seharusnya sehingga harga menjadi naik untuk mendapatkan keuntungan di atas keuntungan normal. Di dalam istilah ekonomi kegiatan ini disebut sebagai *monopoly rent*<sup>24</sup>.

Monopoli memang dapat menimbulkan kerugian, namun tidaklah selalu merugikan. Setidak-tidaknya ada beberapa manfaat monopoli yang perlu dipertimbangkan (*monopoly benefits*)<sup>25</sup>, di antaranya:

1. Monopoli, efisiensi dan pertumbuhan ekonomi. Dibandingkan dengan perusahaan yang bergerak dalam pasar persaingan sempurna, syarikat monopolis mempunyai kelebihan, yaitu mampu mengumpulkan laba yang banyak dalam jangka panjang. Jika monopoli dikelola dengan baik akan mendorong pertumbuhan ekonomi. Menurut Joseph Schumpeter “Justru industri-industri yang bersifat monopolistislah yang ternyata menunjukkan suatu dinamika untuk berkembang lebih besar”<sup>26</sup>.
2. Monopoli dan kecekapan penyediaan barang awam. Barang boleh menimbulkan eksternaliti menguntungkan yang memacu kegiatan ekonomi terutama pelaburan. Adanya pelaburan memungkinkan pertumbuhan ekonomi. Pengadaan barang awam hanya berkesan dalam skala sangat besar. Contohnya, peruntukan jalan raya, pelabuhan laut, pengangkutan, telekomunikasi dan air minum.

---

<sup>23</sup>Muhammad Akram Khan (1996), *Economic Message of the Quran*. Kuwait: Islamic Book Publishers, h. 41.

<sup>24</sup>Arif Hoetoro (2007), *op.cit.*, h. 104

<sup>25</sup>Prathama Rahardja Mandala Manurung (2008), *Pengantar Ilmu Ekonomi (Mikroekonomi & Makroekonomi)*. Jakarta: Edisi Ketiga, Universiti Indonesia (UI), h. 177.

<sup>26</sup>Joseph Alois Schumpeter (1983), *The Theory of Economic Development*. New Jersey: Rutgers-The State University, h. 168.

3. Monopoli dan peningkatan kesejahteraan masyarakat. Syarikat monopolis jika dibiarkan memang boleh merugikan kerana menghasilkan barang lebih sedikit dan menjual lebih mahal. Namun dalam pembahasan tentang *diskriminasi harga* mahupun polisi pengaturan harga, monopoli dapat digunakan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

### 3.3. Diskriminasi Harga Dalam Pandangan Islam

Pada asasnya, teori diskriminasi harga asalnya datang dari teori monopoli<sup>27</sup> dan diskriminasi harga hanya boleh dilakukan dalam suatu pasaran yang berbentuk monopoli<sup>28</sup>. Objektifnya adalah untuk mendapatkan lebih pengguna dan memindahkan kepada pengeluar sebagai keuntungan tambahan (Objektif asas dalam strategi harga). Diskriminasi harga berlaku apabila syarikat mengenakan harga yang berbeza kepada pengguna yang berbeza baik yang berupa barang atau perkhidmatan<sup>29</sup>. Diskriminasi harga terbahagi kepada dua keadaan iaitu, diskriminasi harga langsung<sup>30</sup> dan tidak langsung<sup>31</sup>. Diskriminasi harga langsung lebih banyak dibicarakan dalam kes ini iaitu yang terdiri daripada diskriminasi harga darjah pertama, darjah kedua dan darjah ketiga.

Menurut Abdus Samad dalam tulisannya yang bertajuk “Market Analysis from an Islamic Perspective and the Contribution of Muslim Scholars” dalam *Journal of Islamic Economics Banking and Finance*, beliau menyebut bahawa

---

<sup>27</sup>R. Priston McAfee (2008), “Price Discrimination”, *1 Issue in Competition Law and Policy*. United State: California Institute of Technology, h. 466.

<sup>28</sup>Prijono Tjiptoherijanto (2012), “Diskriminasi Harga dan Bahan Bakar Minyak”, *Artikel*. JAWA POS, 25 Januari 2012.

<sup>29</sup>*Ibid.*, JAWA POS, 25 Januari 2012.

<sup>30</sup>R. Priston McAfee (2008), *op.cit*, h. 468.

<sup>31</sup>R. Priston McAfee (2008), *op.cit*, h. 473.

amalan diskriminasi harga jualan barangan yang sama pada harga yang berbeza untuk berlainan pelanggan dianggap bersamaan dengan eksploitasi atau riba. Oleh itu, amalan tersebut adalah dilarang dalam Islam. Sebahagian ulama Islam berpendapat bahawa amalan menjual barangan dan perkhidmatan tertentu seperti susu bayi kepada ibu bapa (pasaran luar bandar) pada harga yang lebih rendah berbanding dengan menjual susu bayi yang sama kepada ibu bapa (pasaran bandar) pada harga yang tinggi untuk mengekalkan keuntungan yang normal mungkin tidak selaras dengan prinsip kebajikan Islam<sup>32</sup>.

Selain Abdus Samad, ada sarjana Islam lain yang menyinggung diskriminasi harga yaitu Abdul Azim Islahi dalam kajiannya yang bertajuk “Contributions of Muslim Scholars to Economic Thought and Analysis (11-905 A.H./632-1500 A.D.)”, beliau juga menyebutkan bahawa keuntungan yang diperolehi dari kegiatan produksi haruslah menekankan pemerhatian amalan yang adil dalam usaha mendapatkan keuntungan. Keuntungan tersebut tidaklah didapat dengan melakukan eksploitasi dengan cara melakukan diskriminasi harga untuk memaksimumkan keuntungan. Ibn Taymiyyah juga menentang diskriminasi harga tersebut dengan tujuan untuk memaksimumkan keuntungan dan pelakunya haruslah dikenakan hukuman<sup>33</sup>.

Sarjana Islam lain yang melarang amalan diskriminasi harga adalah Muhammad Lawal Ahmad Bashar dalam penulisannya yang bertajuk “Price Control in an Islamic Economy”, mendapati bahawa kawalan harga adalah dibenarkan menurut pandangan ekonomi Islam sedangkan diskriminasi harga dari

---

<sup>32</sup>Abdus Samad (2002), *op.cit*, h. 61.

<sup>33</sup>Abdul Azim Islahi (2007), “Contributions of Muslim Scholars to Economic Thought and Analysis (11-905 A.H./ 632-1500 A. D.)”, *JKAU: Islamic Econ, Vol. 20, No. 2*. Jeddah: Scientific Publishing Centre King Abdul aziz University, h. 57.

segi tawaran tidak dibenarkan dalam pandangan Islam kerana mengakibatkan eksploitasi daripada masyarakat. Beliau mengambil pandangan Ibn Taymiyyah yang menyamakan diskriminasi harga dengan riba. Menjual barang tidak boleh menetapkan harga yang lebih rendah dari pada harga tawaran serta menjual dengan lebih tinggi kepada sesiapa yang tidak mempunyai maklumat penuh harga pasaran merupakan riba<sup>34</sup>.

Ibn Taymiyyah berpendapat bahawa, tidak boleh terdapat sebarang diskriminasi harga terhadap pengguna dan pengeluar yang tidak mempunyai maklumat penuh di pasaran mengenai produk dan harga mereka<sup>35</sup>. Dia berkata bahawa sebagai penjual tidak dibenarkan untuk mengenakan harga yang berlebihan kepada orang yang tidak tahu, tetapi dia mesti menjual barangan kepadanya pada harga yang lazim. Seorang peniaga yang dikenali mendiskriminasi pengguna dengan cara ini perlu dihukum dan dilucutkan hak untuk memasuki pasaran". Inilah pendapat yang disebut sebagai "*ghaban al-mustarsil riba*" memberikan harga yang terlalu tinggi kepada orang yang tidak tahu adalah riba<sup>36</sup>. Tetapi dalam kes-kes tertentu diskriminasi harga dibolehkan kerana melihat ekuiti sosio-ekonomi yang lebih besar, keadilan dan kebajikan dalam masyarakat<sup>37</sup>.

Dalam kajian yang lain, Muhammad Lawal Ahmad Bashar membolehkan amalan diskriminasi harga dalam tulisannya yang bertajuk "Two Aspects of Exchange in Islam". Tulisan ini memberikan asas teori ekonomi untuk mengkaji hubungan pertukaran dalam ekonomi Islam. Diskriminasi harga juga dijelaskan

---

<sup>34</sup>Muhammad Lawal Ahmad Bashar (1997), "Price Control in an Islamic Economy", *JKAU: Islamic Econ*, Vol. 9. Nigeria: Usmanu Danfodiyo University Sokoto, h. 46.

<sup>35</sup>Ahmad bin 'Abd al-Halim bin Taymiyyah, *op.cit*, h. 21.

<sup>36</sup>Ahmad bin 'Abd al-Halim bin Taymiyyah, *op.cit*, h. 21.

<sup>37</sup>Ahmad bin 'Abd al-Halim bin Taymiyyah, *op.cit*, h. 42.

dalam tulisan ini dan ianya dibolehkan untuk memenuhi keperluan asas masyarakat berupa air, elektrik atau keretapi. Diskriminasi harga dari segi permintaan adalah bermanfaat bagi masyarakat. Pembezaan penawaran dalam meletakkan harga dipelbagai pasaran boleh memperbaiki kebajikan masyarakat<sup>38</sup>.

Menurut Mannan polisi diskriminasi harga dalam pandangan Islam tidak hanya didasarkan atas pertimbangan untung atau rugi dari sisi pengeluar barang atau pengguna barang secara individual saja, tetapi lebih kerana pertimbangan komitmen Islam terhadap nilai-nilai keadilan dan pemerataan. Kalaupun memperhatikan keuntungan, tetapi tujuan keuntungannya lebih luas, iaitu keuntungan masyarakat secara luas/*social economic benefit*<sup>39</sup>. Hal ini membawa implikasi bahawa tahap keuntungan tidak menjadi determinan pokok dalam memutuskan dasar ini. Namun demikian, hal ini tidak bererti aspek keuntungan pengeluar harus diabaikan. Pertimbangan untung rugi tetap juga harus diperhatikan, sebab ianya merupakan salah satu tujuan dari pengeluar yang dibenarkan oleh agama Islam. Mengabaikan keuntungan pengeluar bererti menzalimi salah satu pelaku ekonomi (iaitu pengeluar), padahal Islam bertujuan mentadbirkan bagi semuanya. Dengan melakukan diskriminasi harga kemungkinan pengeluar akan memperoleh keuntungan total yang lebih besar berbanding dengan tidak melaksanakan diskriminasi harga.

Mannan mencadangkan diskriminasi harga ini dilaksanakan untuk kes-kes khusus dalam mewujudkan komitmen Islam terhadap pemerataan dan keadilan. Salah satunya adalah polisi untuk memenuhi keperluan asas bagi masyarakat

---

<sup>38</sup>Muhammad Lawal Ahmad Bashir (1994), "Two Aspects of Exchange in Islam", *Review of Islamic Economics*, Vol. 4, No. 1. Nigeria: Department of Economics Usman Danfodiyo University Sokoto, p. 27.

<sup>39</sup>M.A Mannan (1987), *Islamic Economics: Theory and Practice*. Islamabad: Publisher SH Muhammad Ashraf, New Anarkali, h. 367.

miskin. Sebagaimana diketahui bahawa banyak masyarakat di negara-negara Islam yang hidup di bawah garis kemiskinan, sementara perbezaan penghasilan hidup antara orang kaya dan miskin jauh berbeza<sup>40</sup>. Hal ini sesuai dengan pendapat Pascaline Dupas dalam tulisannya bertajuk “Global Health Systems: Pricing and User Fees” mengkaji kesejahteraan masyarakat awam dalam bidang kesihatan. Untuk menjamin kesihatan masyarakat awam baik kaya mahupun miskin agar mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti adalah dengan mengamalkan diskriminasi harga<sup>41</sup> iaitu memberikan kos yang tinggi untuk pengguna perkhidmatan golongan kaya dan kos rendah untuk perkhidmatan golongan kurang mampu. Ini kerana kesihatan adalah anugerah Allah s.w.t. kepada manusia yang tidak ternilai oleh sebab itu setiap golongan masyarakat harus mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang baik<sup>42</sup>.

Mannan mengatakan bahawa diskriminasi harga merupakan amalan yang juga lazim ditemui di negara-negara Islam hingga saat ini. Bahkan, amalan diskriminasi dilakukan di beberapa negara maju<sup>43</sup>. Sebagai contoh yang relevan dengan polisi diskriminasi harga antara lain:

1. Dalam suatu masyarakat terdapat kelompok masyarakat miskin yang anak-anak mengalami kurang gizi, sehingga sangat memerlukan susu. Pengeluar boleh mengenakan harga yang berbeza bagi mereka, misalnya dengan cara memberikan harga yang lebih rendah bagi susu yang digunakan untuk minuman, tetapi memberikan harga yang lebih tinggi jika

---

<sup>40</sup>M.A Mannan (1987), *Ibid.*, h. 242.

<sup>41</sup>Pascaline Dupas (2012) “Global Health Systems: Pricing and User Fees”, *Elsevier Encyclopedia of Health Economics*. Stanford University.

<sup>42</sup>Dr Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, “Nikmat Kesihatan Anugerah Tidak Ternilai”, *Berita Harian*. Jumaat, 1 Ogos 2008.

<sup>43</sup>M.A Mannan (1987), *op.cit*, h. 350.

susu akan digunakan untuk membuat ais krim atau keju yang banyak digunakan oleh orang kaya.

2. Sebuah syarikat elektrik memberikan harga yang lebih murah kepada syarikat (pengguna elektrik) yang menghasilkan barang-barang keperluan asas, sementara kepada syarikat-syarikat yang menghasilkan barang-barang mewah dikenakan harga yang lebih tinggi. Syarikat ini juga boleh menggunakan kadar yang lebih rendah bagi pemakaian di rumah tangga miskin, sementara untuk rumah tangga kaya tarifnya lebih tinggi.
3. Pada kebanyakan negara Islam ketidakseimbangan penghasilan hidup sangat besar, termasuk ketidakseimbangan sosial antardaerah. Diskriminasi harga dapat digunakan untuk membantu perbaikan pemerataan pendapatan antara daerah. Misalnya, sebuah syarikat pengangkutan mengenai kos pengangkutan yang berbeza-beza antara daerah. Penggunaan perkhidmatan pengangkutan dengan daerah yang miskin dikenakan kadar yang lebih rendah berbanding dengan daerah kaya.
4. Dalam skala yang lebih luas polisi ini dapat dilaksanakan untuk mengurangkan ketidakseimbangan sosial antara negara. Misalnya, suatu bank Islam antarbangsa meminta bahagian hasil yang lebih rendah dalam pembiayaan sesuatu projek di negara miskin, sementara untuk negara kaya bahagian ini lebih besar. Harga-harga produk import yang diambil negara miskin diberikan potongan harga oleh negara pengeksport kaya<sup>44</sup>.
5. Pemberian kupon bagi masyarakat miskin. Pada prinsipnya kupon ini diterbitkan untuk meningkatkan daya beli masyarakat miskin

---

<sup>44</sup>M.A Mannan (1987), *op.cit*, h, 242.

sehingga dapat memasuki pasaran. Dengan cara ini maka sesungguhnya tidak mengganggu terhadap bekerjanya mekanisme pasaran yang bebas, sebab kupon akan berfungsi macam wang yang digunakan oleh masyarakat. Kupon juga dapat dirancang untuk kebijakan yang bersifat kekal atau sementara. Kupon yang diberikan secara kekal atau rutin sama halnya memberikan gaji/elaun sosial kepada masyarakat yang menerima kupon. Pemberian kupon ini pernah dilakukan oleh khalifah Umar bin Khatab ketika kota Madinah mengalami kenaikan harga-harga. Pada waktu itu Umar bin Khatab memerintahkan untuk membawa masuk banyak barangan dari Mesir untuk menambah bekalan di Madinah, sehingga tahap harga akan turun. Tetapi, karena sedemikian rendah kuasa beli masyarakat, maka Umar menerbitkan semacam kupon yang dibagikan kepada masyarakat miskin<sup>45</sup>.

Di dalam sejarah Uthmaniyyah juga diskriminasi harga diamalkan sebagai *policytool* kerana pengiktirafan pelbagai peringkat keanjalan permintaan dalam pasaran yang berlainan<sup>46</sup> dan ianya dibolehkan. Sebagai contoh, harga di Bandar Istanbul telah ditetapkan lebih rendah di pusat bandar berbanding dengan harga yang ditetapkan di pinggir Bandar kerana pedagang yang terletak di pusat bandar boleh memperoleh barang dengan mudah iaitu langsung dari kapal. Untuk mendapatkan keuntungan yang lebih, para peniaga melakukan diskriminasi harga

---

<sup>45</sup>Pusat Pengkajian dan Pengembangan Ekonomi Islam (P3EI) Universitas Islam Indonesia Yogyakarta atas kerjasama dengan Bank Indonesia (2008), *Ekonomi Islam*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h. 335.

<sup>46</sup>Orhan Oguz dan Ahmed Tabakoglu (1991), "An Historical Approach to Islamic Pricing Policy: A Research on the Ottoman Price System and its Application", *JKAU: Islamic Econ*, Vol. 3. Turkey: Marmara University, Sultanahmet, Istanbul, h. 73.



yang dikenakan kepada pengguna yang tinggal di luar Bandar yang memiliki keanjalan permintaan sangat rendah<sup>47</sup>.

Di sini dapat diambil kesimpulan bahawa diskriminasi harga ianya dilarang oleh syariah Islam apabila tidak sesuai dengan prinsip-prinsip keadilan, pemerataan dan kesejahteraan, serta merugikan orang lain (zalim). Ini amat bertepatan dengan perintah Allah s.w.t. dalam firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۗ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ ءَعَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ۗ أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

*“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”.*

Sūrah Al-Mā'idah (5) : 8

Diskriminasi harga juga dibolehkan oleh syariah Islam apabila ianya membawa kesejahteraan, kemakmuran dan keadilan bagi masyarakat. Semua itu sesuai dengan prinsip Islam sebagai *rahmatan lil 'alamin*. Sebagaimana firman Allah s.w.t.:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٧﴾

*“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”.*

Sūrah Al Anbiyā' (21) : 107

<sup>47</sup>Ibid., h. 73.